

Empat lelaki termasuk remaja bawah umur didakwa merogol

IPOH: Empat lelaki termasuk seorang remaja bawah umur dihadapkan ke Mahkamah Sesyen di sini hari ini atas pertuduhan melakukan rogol secara berkumpulan di Sungai Siput, dua minggu lalu.

Tertuduh, Muhammad Azeem Abdul Rahman, 20; Mohamad Arif Haiqal Arapin, 21, dan seorang rakan berusia 17 tahun 10 bulan didakwa merogol remaja perempuan berusia 15 tahun 11 bulan di sebuah rumah tidak bernombor di Taman Dovenby, Sungai Siput pada 14 Julai 2022.

Bagi kesalahan itu, ketiga-tiga tertuduh didakwa mengikut Seksyen 375B Kanun Keseksaan yang membawa hukuman penjara antara 10 hingga 30 tahun, jika sabit kesalahan.

Pada prosiding di mahkamah sama, Afiq Yan Muhammad Farid, 20, turut didakwa merogol mangsa yang sama antara pukul 1 hingga 2 pagi di sebuah bilik di Jalan Felda Lasah, Kampung



REMAJA perempuan 16 tahun didakwa atas dua pertuduhan bersubhat bagi kes rogol mangsa bawah umur di Mahkamah Majistret Kuala Kangsar, semalam. - UTUSAN/MUHAMAD NAZREEN SYAH MUSTHAFA

Pulau Mentimun, Sungai Siput pada pukul 12.01 hingga 2 pagi, 17 Julai 2022.

Tertuduh didakwa mengikut Seksyen 376 Kanun Keseksaan yang membawa hukuman pen-

jara 10 hingga 30 tahun dan sebatang.

Bagaimanapun, kesemua tertuduh mengaku tidak bersalah selepas pertuduhan dibacakan di hadapan Hakim Ainul Shahrin Mohamad.

Pendakwaan dikendalikan Timbalan Pendakwa Raya, Nur Asmaniza Muhamad manakala Muhammad Azeem, Mohamad Arif Haiqal dan rakannya diwakili peguam S. Sundarajan manakala Navin Punj dan Mahajoth Singh pula mewakili Afiq Yan.

Hakim Ainul Shahrin membenarkan jaminan sebanyak RM10,000 dengan seorang penjamin terhadap Muhammad Azeem dan Mohamad Arif Haiqal manakala rakan mereka diberi jamin RM5,000. Afiq Yan pula dikenakan jaminan sebanyak RM8,000.

Mahkamah menetapkan 2 September ini sebagai tarikh sebutan semula kes.